

## PM: Tunggu keputusan BN hari ini

KUALA LUMPUR, Jumaat — Masa depan MCA akan ditentukan dalam mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional (BN) esok, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tunggulah keputusan yang akan diambil dalam mesyuarat Barisan Nasional esok. Buat masa sekarang, saya enggan mengulas mengenainya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan *Pameran Nasionalisme Dalam Penulisan* anjutan Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Muzium Negara, di sini hari ini.

Pengerusi Barisan Nasional itu berkata, perbincangan mengenai masalah MCA adalah salah satu perkara dalam agenda mesyuarat majlis itu esok.

Inilah kali pertama Perdana Menteri, secara terbuka, menyatakan bahawa

masa depan MCA akan ditentukan oleh mesyuarat itu.

"Perkara-perkara lain yang akan dibincangkan mempunyai hubungan dengan masalah-masalah semasa yang dihadapi oleh parti dan negara," tambahnya. **BH 17 AUG 1985**

Beliau juga enggan mengulas sama ada Pemangku Presiden MCA, Datuk Dr Neo Yee Pan, patut meletakkan jawatan bagi menyelesaikan masalah parti itu yang berlarutan sejak 18 bulan.

Katanya: "Saya tidak mempunyai sebarang pandangan mengenai perkara itu."

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau tidak menyedari adanya tiga kumpulan dalam MCA dan dua pemangku presiden sekarang.

"Saya tidak menyedari mengenai perkara itu," tegasnya.